

penghakiman mahkamah

Oleh Sudirman Mohd Tahir
sudirman@hmetro.com.my

Shah Alam

Balu Allahyarham Abam Bocey, Siti Norhidayah Mohd Ali berpuas hati dengan keputusan Mahkamah Rendah Syariah Shah Alam, semalam mengenai tuntutan faraid yang difailkan pada 15 Julai lalu.

Hidayah, 28, berkata, mahkamah menetapkan pembahagian berdasarkan hukum syarak membabitkan rumah, kereta, wang ringgit, barang peribadi seperti jam tangan, kasut, telefon bimbit, kamera dan barangan lain peninggalan Allahyarham.

"Alhamdulillah, selesai urusan faraid. Pihak sana pun akan dapat bahagian mengikut hukum syarak. Saya berpuas hati dengan keputusan mahkamah. Selepas ini doakan saja yang terbaik buat saya dan anak.

"Walaupun pihak sana tak hadir, tapi tidak mengganggu proses mahkamah sebab bahagian sudah dibahagikan. Apa saja yang ditinggalkan arwah seperti rumah, kereta, semua wang, jam tangan, kasut, kamera, telefon bimbit dan barang lain difaraidkan," katanya.

Ditanya mengenai soal berapa banyak wang peninggalan arwah, Hidayah enggan mendedahkannya.

"Keputusan untuk berpindah ke rumah itu pun, tak tahu lagi. Tunggu urusan faraid ini diselesaikan. Nak dapatkan kereta semula pun, Insya-Allah," katanya.

Ditanya mengenai dakwaan adik iparnya, Syed Ali Mubarak Syed Mohd Ridzuan atau pelawak Ali Puteh yang mana wang RM10,000 dikeluarkan dari akaun Allahyarham, Hidayah enggan mengulas sama ada ia akan dipulangkan semula atau difaraidkan.

"Apa saya boleh katakan, RM10,000 memang saya ambil, tapi saya masukkan dalam akaun bank anak. Tak guna satu sen pun," katanya.

Dalam masa sama, Hidayah berkata, mahkamah menetapkan tarikh baru pada Oktober depan mengenai tuntutan hadanah.

Ia berikutan kegagalan pihak ibu mentuanya, Sabariah Arshad hadir ke mahkamah.



SITI Norhidayah di Mahkamah Rendah Syariah Shah Alam, semalam.



Syukur perkara ini sudah selesai. Memang itu yang terbaik. Apabila jadi begini orang anggap saya yang salah"

Ali Puteh



Alhamdulillah, selesai urusan faraid. Pihak sana pun akan dapat bahagian mengikut hukum syarak. Saya berpuas hati dengan keputusan mahkamah. Selepas ini doakan saja yang terbaik buat saya dan anak"

Siti Norhidayah Mohd Ali

Balu Abam puas hati

Urusan tuntutan faraid harta dibahagikan ikut hukum syarak

Peguam Ali sahkan kereta arwah abang sudah dilelong

Shah Alam: Peguam mewakili Ali Puteh, Noorazmir Zakaria dari Tetuan Akram Hizri Azad & Azmir mengesahkan kereta Toyota Vellfire milik Allahyarham Abam Bocey sudah dilelong bank.

Penjelasan itu, sekali gus menafikan dakwaan balu Allahyarham Abam Bocey, Siti Norhidayah Mohd Ali yang mengatakan kereta itu tidak ditarik.

Noorazmir berkata, kereta atas nama Allahyarham itu dilelong pada 19 Ogos lalu.

Dalam pada itu, Noorazmir berkata, anak guam dan keluarganya tidak pernah rebutkan harta Allahyarham.

"Keputusan mahkamah tadi

(semalam) adalah pengisytiharan faraid siapa yang berhak. Jadi, dalam kes ini yang terbabit adalah balu, anak dan ibu bapa arwah.

"Dari awal lagi, permohonan yang difailkan balu tidak ada masalah dan tak perlu dipertikaikan. Malah, apabila saya terangkan kepada keluarga Ali, mereka tak pertikaikan. Ibu bapa arwah faham bahagian mereka.

"Cuma, selepas ini kami akan membuat permohonan surat kuasa tadbir untuk membahagikan harta peninggalan arwah dan dibahagikan menurut hukum faraid. Kami juga dalam proses untuk selesaikan pembahagian

harta secara baik. Balu arwah akan dimasukkan kerana dia berhak selaku penjaga sah anak yang masih bawah umur," katanya.

Terdahulu, Hidayah berpuas hati dengan dengan keputusan Mahkamah Rendah Syariah Shah Alam mengenai tuntutan faraid yang difailkan pada prosiding yang berlangsung, semalam.

Mahkamah menetapkan pembahagian berdasarkan hukum syarak membabitkan rumah, kereta, wang ringgit, barang peribadi seperti jam tangan, kasut, telefon bimbit, kamera dan barangan lain peninggalan Allahyarham.

"Saya harap selepas ini pihak sana akan hadir untuk kes hadanah," katanya.

Terdahulu, pada Isnin lalu, Hidayah bersama dua peguam mengadakan

sidang media tergepar di sini bagi menjelaskan berhubung dakwaan dia membuat tuntutan saman terhadap ibu mentuanya.

Peguam Mohamed Ibrahim Mohamad

memberitahu pihaknya menafikan dakwaan itu dan menegaskan Sabariah yang menfailkan saman terhadap Nor Hidayah pada Julai lalu.

Sebelum ini menerusi siaran langsung di

Facebook sebuah portal berita, Ali menunjukkan surat saman yang dihantar peguam Hidayah kepada ibunya.

Menjelaskan mengenai surat saman dinyatakan Ali,

FARAID

Bentuk harta yang boleh dibahagikan secara faraid:

- Tanah
- Bangunan (rumah)
- Barang kemas (emas, perak dan lain-lain)
- Insurans dan wang tunai (sama ada dilaburkan atau tidak)
- Binatang ternakan seperti kambing, lembu, unta, kerbau dan lain-lain

Cara pengambilan harta

Meneliti dahulu siapa antara waris yang berhak menerima pusaka dengan jalan Ashabul-Furud kemudian siapa Mahjud barulah bakinya diberikan kepada berhak menerima Asabah

Ashabul-Furud

Golongan ini mengambil pusaka menurut pembahagian yang ditetapkan syarak sama ada 1/2, 1/3, 1/4, 2/3, 1/6 atau 1/8

Mereka adalah:

- Isteri atau suami
- Ibu atau nenek
- Bapa atau datuk
- Anak perempuan atau cucu perempuan
- Saudara perempuan kandung
- Saudara perempuan sebapa
- Saudara seibu

peguam syariah Fadhlina Siddiq menjelaskan nama Sabariah turut tersenarai dalam tuntutan berkenaan sebagai pengesahan waris.

Sementara itu, Ali ketika dihubungi turut bersyukur apabila perkara itu sudah selesai.

Menurutnya, perkara itu perlu dibuat mengikut hukum syarak sama seperti yang pernah dinyatakan dalam dua siri video yang dimuat naik sebelum ini.

Ali berkata, pihaknya tidak pernah cuba menyekat harta peninggalan Allahyarham seperti didakwa segelintir pihak.

"Orang cakap saya nak halang harta arwah. Ya Allah Ya Tuhanku, kalau tengok sidang media saya yang awal dulu dan video terbaharu, saya cakap sama saja. Kalau ikut hukum Islam memang itu sebaiknya dan lebih bagus. Benda itu perlu difaraidkan kalau ikut hukum Islam. Syukur perkara ini sudah selesai. Memang itu yang terbaik. Apabila jadi begini orang anggap saya yang salah," katanya.

Ditanya mengenai status rumah peninggalan Allahyarham, Ali tegas menyatakan ia termasuk dalam faraid.

Dalam pada itu, ditanya mengenai ketiadaan ibunya bagi tuntutan hadanah, Ali berkata, dia membawa isterinya yang mempunyai temu janji bersama doktor.

"Saya tidak dapat hadir kerana menghantar isteri yang sarat mengandung buat pemeriksaan kesihatan. Emak pula menggunakan kerusi roda. Jadi takkan saya nak biarkan emak pergi bersendirian. Lagipun, saya tak rasa emak perlu pergi kerana perkara itu (prosiding) di luar bidang kuasanya," katanya.